

16/11/2015 - Majlis Perasmian Persidangan Puspanita ke-3 "Peranan Puspanita Dalam Memupuk Kepimpinan, Memperkukuh Integriti

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Yang Berbahagia Puan Sri Datuk Rohani Abdullah,
Yang Dipertua PUSPANITA;

Yang Berusaha Cik Afriza Hani Mohd. Sinon,
Setiausaha Agung PUSPANITA Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Persidangan Tahunan PUSPANITA Kali Ke-3;

Yang Dihormati Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-Ketua Pengarah;

Ahli-Ahli Majlis Tertinggi PUSPANITA;

Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi PUSPANITA;

Ahli-Ahli Jawatankuasa Pengelola Persidangan Tahunan PUSPANITA Kali Ke-3 dan Pameran;

Tuan-tuan, Puan-puan, para hadirin yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya, kita dapat bersama-sama berhimpun di Persidangan Tahunan PUSPANITA Kali Ke-3. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada PUSPANITA di atas usaha yang berterusan untuk mengadakan aktiviti-aktiviti sebegini, yang merupakan **conduit atau perantara di antara Kerajaan dan penjawat awam serta komuniti.**

2. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Ahli Jawatankuasa Pengelola Persidangan Tahunan PUSPANITA yang telah bertungkus-lumus menyelaras dan memastikan persidangan ini berjalan dengan lancar seperti yang telah dirancang, dan menjadikan persidangan ini program ikonik PUSPANITA yang diadakan saban tahun.

PERSIDANGAN TAHUNAN PUSPANITA

Para hadirin dihormati sekalian,

3. Persidangan Tahunan PUSPANITA mula dianjurkan pada tahun 2012, dan tahun ini merupakan kali ketiga ia diadakan. Setiap tahun, PUSPANITA bertindak sebagai sebuah organisasi yang menghimpunkan pakar dan tokoh terkemuka dalam pelbagai bidang bagi membincangkan isu-isu semasa, bertepatan dengan tema persidangan yang dipilih. *This year is no exception.* Tema yang dipilih pada tahun ini adalah “**Peranan PUSPANITA Dalam Memupuk Kepimpinan, Memperkukuh Integriti**”. Saya dapat melihat bahawa barisan penceramah yang telah dijemput sememangnya mempunyai kepakaran dan pengalaman untuk berkongsi ilmu dan pandangan mereka dalam topik-topik yang telah disusun rapi sepanjang dua hari persidangan ini berlangsung.

4. Kertas-kertas kerja yang dibentangkan pada hari pertama ini cukup menarik dan *current*, meliputi empat aspek yang dipilih dan ditekankan oleh PUSPANITA iaitu **kepimpinan, integriti, komuniti** dan **keusahawanan**. Pada esok hari, seminar “Watak Ceria, Hidup Bahagia” pula akan diadakan bersempena persidangan ini. Saya berharap segala pengisian yang diatur akan menarik minat semua peserta yang terdiri daripada sektor awam, swasta dan badan bukan kerajaan, untuk menjadi lebih proaktif dan dapat memahami peranan PUSPANITA sebagai salah sebuah badan yang bertanggungjawab menyalurkan maklumat dan intipati yang tepat mengenai dasar-dasar yang diperkenalkan oleh pihak Kerajaan.

KEJAYAAN PUSPANITA

Para hadirin yang dihormati sekalian,

5. PUSPANITA semakin dihormati dari sehari ke sehari atas usahanya merapatkan jurang di antara Kerajaan dengan masyarakat melalui program-program yang dilaksanakannya, terutamanya di peringkat Kebangsaan. Penyampaian dan hebahan berkenaan dasar-dasar yang diperkenalkan Kerajaan melalui program-program PUSPANITA sedikit sebanyak telah membantu memberikan pemahaman kepada penjawat awam, suri penjawat awam dan masyarakat umum. Saya pasti bahawa perkhidmatan awam kini semakin mesra rakyat dan dihormati hasil usaha yang telah dijalankan oleh PUSPANITA sebagai perantara dengan Kerajaan.

6. Di kesempatan sini, saya ingin mengetengahkan beberapa *success stories* program anjuran PUSPANITA yang boleh dibanggakan bersama:

i) **Program kemasyarakatan dan sukarelawan** yang telah diadakan di setiap PUSPANITA Cawangan Kementerian dan Negeri, telah sedikit sebanyak menyumbang kepada pemahaman tentang masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Syabas kerana program kebajikan masih diteruskan melalui program seperti Program Sukarelawan 1M4U PUSPANITA dan Program Sukarelawan Mangsa Bantuan Banjir;

ii) menyediakan **Kaunter Kesihatan Bergerak “Pusat Pemeriksaan Kesihatan Wanita PUSPANITA”** melalui Tabung PUSPADARA PUSPANITA (TPP) dan Biro Kesihatan PUSPANITA dengan kerjasama Badan Pengurusan Hartanah (BPH), Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Program ini telah mula beroperasi mulai Julai 2015 di kuarters-kuarters Kerajaan sekitar Putrajaya, dan merupakan salah satu program yang diadakan bagi memberi kesedaran mengenai kesihatan dalam kalangan penjawat awam dan ahli keluarga masing-masing;

iii) Menganjurkan **Bengkel Keusahawanan PUSPANITA “Kemahiran Dan Kreativiti Pemangkin Kejayaan”** melalui Tabung Latihan PUSPANITA (TLP) dan Biro Pendidikan PUSPANITA dengan kerjasama Jabatan Pengajian Kolej Komuniti mulai Julai 2015; dan

iv) menganjurkan **Kelas Tuisyen Aliran Sains bagi pelajar tingkatan 4 dan 5** sebagai persediaan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Saya yakin atas usaha gigih PUSPANITA, para pelajar ini akan memperoleh keputusan yang cemerlang dan tidak mensia-siakan semua bantuan dan peluang yang telah diberikan.

7. Sesungguhnya, apabila diikuti perkembangan PUSPANITA, saya merasa bangga dengan kemajuan yang telah dicapai sehingga kini. Saya juga amat berbesar hati kerana PUSPANITA sentiasa mempraktikkan dasar-dasar Kerajaan dalam melaksanakan program baru. Sebagai contoh, **Pusat Pemeriksaan Kesihatan Wanita PUSPANITA** di Puspanitapuri yang dirasmikan pada 9 April 2014 merupakan inisiatif berlandaskan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), dan melibatkan jalinan kerjasama dan kolaborasi di antara PUSPANITA, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri. Melalui kolaborasi ini, pihak PUSPANITA telah bersetuju untuk menyediakan ruang untuk dijadikan klinik dengan kos sewaan yang minimum, manakala pihak Kementerian Kesihatan Malaysia pula akan menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berkaitan.

8. Saya yakin bahawa kejayaan PUSPANITA dalam melaksanakan program-program inovatif ini tidak akan dapat dikecapi sekiranya dua elemen penting tidak dipupuk dalam kalangan ahli PUSPANITA, iaitu **kepimpinan** dan **integriti**, tunjang kepada tema persidangan tahun ini.

MEMUPUK KEPIMPINAN, MEMPERKUKUH INTEGRITI

Para hadirin yang dihormati sekalian,

9. Bekas presiden Amerika Syarikat, Dwight D. Eisenhower pernah berkata, "***The supreme quality for leadership is unquestionably integrity. Without it, no real success is possible, no matter whether it is on a section gang, a football field, in an army, or in an office.***" Kata-kata beliau menunjukkan betapa pentingnya integriti dalam kepimpinan, dan kedua-dua ciri ini merupakan ciri asas yang perlu ada dalam diri setiap penjawat awam, **yang menentukan keberkesanan dan kejayaan sesebuah organisasi.**

10. Saya percaya PUSPANITA merupakan sebuah organisasi yang memupuk kepimpinan dan memperkukuh integriti dalam kalangan ahli PUSPANITA dalam proses merancang, melaksana dan menilai program-program yang akan diadakan, agar segala program tersebut cukup bermakna kepada masyarakat dan menyentuh nadi rakyat. Sesungguhnya, kepimpinan dan integriti yang tinggi ditunjukkan oleh ahli-ahli PUSPANITA dengan terlaksananya **500 program dan aktiviti di sepanjang tahun 2015**, dan **pemberian sumbangan kebajikan lebih RM1 juta** kepada golongan yang memerlukan.

HARAPAN UNTUK PUSPANITA

Para hadirin yang dihormati sekalian,

11. Bagi meneruskan kecemerlangan PUSPANITA, saya ingin menyeru kepada semua ahli PUSPANITA agar terus berdedikasi dan **“Merakyatkan PUSPANITA”**, sejajar dengan konsep “Merakyatkan Perkhidmatan Awam” (MPA) yang telah saya perkenalkan pada tahun 2012. Dengan meletakkan diri masing-masing dalam kedudukan orang yang menerima perkhidmatan, dan sentiasa melaksanakan kerja dengan ikhlas, jujur dan berintegriti, ahli PUSPANITA dan penjawat awam mampu meningkatkan keyakinan rakyat terhadap penyampaian perkhidmatan awam, selaras dengan konsep MPA.

12. Pada masa yang sama, PUSPANITA juga perlu berusaha **memperbaiki dan meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan** dengan menekankan kepada aspek peningkatan pengetahuan secara berterusan, serta hubungan kemanusiaan dan keprihatinan demi memastikan visi dan misi PUSPANITA dapat dicapai dengan cemerlang.

13. Setiap ahli PUSPANITA juga perlu **mengenali kekuatan masing-masing** untuk menyumbang kepada masyarakat sekeliling sebagai sebuah persatuan yang berwibawa, dan menyediakan pelan strategik mengikut garis panduan di peringkat kebangsaan.

PENUTUP

Para hadirin yang dihormati sekalian,

14. Sebelum mengakhiri ucapan saya, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih di atas jemputan ini, dan berharap Persidangan PUSPANITA Kali Ke-3 ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua peserta, khususnya ahli PUSPANITA, dalam meningkatkan kecemerlangan dan kejayaan PUSPANITA. Tidak dilupa juga, ucapan penghargaan kepada semua penceramah yang bersama-sama berkongsi pandangan dan cadangan.

15. Akhir kata, “Selamat Maju Jaya” kepada seluruh anggota PUSPANITA; semoga PUSPANITA sentiasa bertambah maju, sentiasa bersedia menyahut cabaran yang mendatang, dan sentiasa mencipta kejayaan demi kejayaan pada masa hadapan. Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya dengan **sukacitanya merasmikan Persidangan Tahunan PUSPANITA kali ke-3.**

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

©2015 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://www.pmo.gov.my/ksn/home.php?frontpage/speech/detail/2032>